

**BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN  
TARIKH: 04 JANUARI 2022  
(SELASA)**



## G3 Global lantik bekas KSU KPM jadi pengerusi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - Januari 4, 2022 @ 8:42pm  
zaky@bh.com.my



Datuk Seri Alias Ahmad

KUALA LUMPUR: G3 Global Bhd (G3 Global) melantik veteran perkhidmatan awam, Datuk Seri Alias Ahmad sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Pengerusi berkuat kuasa hari ini.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, G3 Global berkata Alias menggantikan Datuk Wan Khalik Wan Muhammad yang meletakkan jawatan hari ini sebagai Pengarah Syarikat dan Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengarah.

Ia berkata, Alias, yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan (KPM) sebelum bersara pada 22 Mei 2018, berharap dapat bekerjasama rapat dengan ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan G3 Global.

"Beliau akan berusaha untuk memberikan pengalaman dan pandangan yang dikumpulkannya sepanjang tempoh berkhidmat dengan kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti dan jabatan.," katanya.

Berusia 63 tahun, Alias memiliki ijazah sarjana muda dalam pengajian Sastera dan Sains Sosial serta sarjana dalam pengajian Strategik dan Pertahanan daripada Universiti Malaya.

Selain itu, beliau memiliki pelbagai diploma dan sijil daripada institusi lain termasuk Universiti Oxford, United Kingdom.

Beliau berkhidmat selama 34 tahun dalam perkhidmatan awam dan memegang banyak jawatan

penting dalam kerajaan.

Beberapa jawatan penting yang disandang termasuk Ketua Pengarah Jabatan Imigresen (2010-2014), Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) (2014-2016), Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2016) , dan Ketua Setiausaha KPM (2016-2018).

Jabatan lain yang pernah beliau berkhidmat termasuk Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Keselamatan Negeri.

Mengulas mengenai pelantikan itu, Pengarah Urusan G3 Global, Dirk Quinten, berkata dengan pengalaman luas dan kredibiliti yang dimiliki oleh Alias, syarikat itu yakin akan terus berkembang maju sebagai peserta yang dinamik dan berdaya saing dalam industri yang disertai seperti kecerdasan buatan (AI) dan penjagaan kesihatan.

Perkembangan menarik berlaku di G3 Global baru-baru ini, bermula apabila syarikat membuat pemfailan pada 26 November 2021 yang menunjukkan bahawa Datuk Seri Aminul Islam Abdul Nor muncul dengan 25 peratus kepentingan dalam G3 Global dan dijadikan pengarah eksekutif syarikat berkenaan.

Mohd Amin ialah pengasas dan pengerusi firma teknologi Bestinet Sdn Bhd, yang menyediakan penyelesaian teknologi maklumat untuk menguruskan buruh asing untuk semua pihak berkepentingan.

Berikutan itu, G3 Global pada 8 Disember 2021 mencadangkan untuk mempelbagaikan perniagaan berkaitan sektor penjagaan kesihatan, termasuk pengedaran kit ujian COVID-19.

Ini dilakukan melalui Bestinet Healthcare Sdn Bhd, anak syarikat milik 51 peratus G3 Global.

Mesyuarat agung luar biasa (EGM) akan dilaksanakan untuk kelulusan pemegang saham pada awal 2022.

Syarikat sedang bergerak untuk mengalihkan tumpuannya kepada AI dan penyelesaian penjagaan kesihatan berasaskan teknologi maklumat lain.

Selain penjualan kit ujian, perniagaan penjagaan kesihatan G3 Global juga akan meneroka potensi besar AI dalam penjagaan kesihatan, terutama dalam bidang diagnosis penjagaan kesihatan.